

## Mesyuarat Khas Forum Ekonomi Sedunia



Anwar menyampaikan ucapan pada sesi plena pembukaan Mesyuarat Khas Forum Ekonomi Sedunia (WEF): Visi Baharu Pembangunan Global, di Riyadh. (Foto BERNAMA)

# Malaysia laksana dasar luar seimbang antara Barat, Timur

## Kerajaan tegas elak sebarang keputusan provokatif rugikan negara

Riyadh: Malaysia mengamalkan pendekatan dasar luar yang seimbang antara Barat dan Timur, selain mengelakkan sebarang keadaan yang dilihat sebagai provokatif, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, Putrajaya menjalinkan hubungan baik dengan Amerika Syarikat (AS) dan Eropah dan pada masa yang sama mengekalkan hubungan dua hala yang mantap dengan China, Korea Selatan dan Jepun.

"Kami terlibat dan bergantung kepada sokongan, kerjasama dan pelaburan dari Barat seperti AS dan Eropah dan pada masa yang sama mengekalkan hubungan dua hala yang mantap dengan China, Korea (Selatan) dan Jepun.

"Ini terutama dengan China memandangkan terdapat pelaburan dan minat yang semakin meningkat," katanya pada sesi pleno pembukaan Mesyuarat Khas Forum Ekonomi Sedunia (WEF): Visi Baharu Pembangunan Global, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, Malaysia yang akan menguruskan ASEAN tahun depan, komited memastikan rantau ini kekal bebas dan aman, sekali gus menjamin pertumbuhan ekonominya terus mampan serta be-

rupaya menarik pelaburan.

Secara kumulatif, AS berada pada kedudukan pertama dari segi jumlah pelaburan di Malaysia, manakala China pula menunjukkan peningkatan sebagai antara pelabur utama.

Anwar berkata, pendirian Malaysia adalah jelas untuk tidak akan membuat sebarang keputusan yang dilihat sebagai provokatif antara satu dengan lain.

"Kami alu-alukan pelaburan berdasarkan ketetapan kami.

"Bagaimana kami mengurusnya, saya hanya boleh mengatakan kami mengalu-alukan pelaburan yang mengikut peraturan kami dan tanpa sebarang syarat. Setakat ini kita menguruskannya, bukan mudah," katanya sambil menambah Malaysia dan ASEAN, juga sedang meneroka untuk menggandakan penerimaan pelaburan dari Afrika, Amerika Latin serta Asia Barat.

### Kekal berkecuali

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, bagi sesebuah ekonomi sedang pesat membangun yang kecil, tindakan pengimbangan bukanlah sesuatu yang mudah.

"Saya berpandangan setakat ini kami telah berjaya.

"Kami perlu mengemudi dengan bijak dan kami bernasib baik memandangkan terdapat konsensus ASEAN mengenai perkara ini walaupun tidak sepenuhnya kerana kekuatan yang berbeza, tetapi sekurang-kurangnya dalam mekanisme ASEAN, terdapat keadaan seperti ini untuk kami mengekalkan (pendirian) berkecuali kami," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, negara tidak mam-

pu bergerak ke depan khususnya dalam aspek ekonomi jika tidak memfokuskan soal tadbir urus dan tanggungjawab fiskal, yang menjadi teras penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonominya.

Katanya, Malaysia juga belajar daripada kekurangan lalu seperti isu rasuah dalam menambatkan perkembangan ekonomi.

"Malaysia antara negara paling aman di dunia dan ekonominya bergerak terpacu dan dengan itu kita perlu mula memfokuskan kepada isu tadbir urus dan tanggungjawab fiskal.

"Kita perlu mula dengan ketutamaan itu bagi mengembangkan lagi potensi negara. Kita ada pengalaman lalu pada 1990-an," katanya.

Kira-kira 1,000 pemimpin dari 92 negara berhimpun di Riyadh, Arab Saudi, sempena Mesyuarat Khas Forum Ekonomi Sedunia (WEF) mengenai Kerjasama Global, Pertumbuhan dan Tenaga untuk Pembangunan selama dua hari hingga hari ini.

Ia bertujuan merapatkan jurang antara Utara-Selatan yang semakin meningkat, serta mencari penyelesaian kolaboratif untuk menghadapi cabaran bersama.

Dalam perkembangan sama, Anwar berkata, inisiatif dilaksanakan pentadbiran kerajaan Arab Saudi tidak boleh dipandang ringan kerana ia dilihat menjadi peneraju suara dalam pembangunan ekonomi.

"Ia tidak berlaku sebelum ini, justeru apabila mereka mula memfokuskan kepada pembangunan globalisasi, transformasi digital dan peralihan tenaga banyak negara Islam lain turut melihat inisiatif ini," katanya.